

UNITED MALAYS NATIONAL ORGANIZATION
(UMNO) 1946-1957: DARIPADA PENENTANGAN
KEPADA PENSUBAHATAN

NURUL HUDA BINTI SHAFIHI

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

2015

UNITED MALAYS NATIONAL ORGANIZATION
(UMNO) 1946-1957: DARIPADA PENENTANGAN
KEPADA PENSUBAHATAN

oleh

NURUL HUDA BINTI SHAFIHI

Tesis yang diserahkan untuk memenuhi keperluan bagi

Ijazah Sarjana Sastera

DISEMBER 2015

PENGAKUAN

Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

DISEMBER 2015

NURUL HUDA BINTI SHAFIHI

PHM 00042/11 (R)

PENGHARGAAN

Bismillahirrahmannirrahim. Dengan penuh rasa rendah diri, saya memanjat kesyukuran kepada Allah s.w.t kerana diberi semangat dan kesihatan yang baik sepanjang tempoh saya menyiapkan kajian sarjana ini. Saya mengucapkan jutaan terima kasih kepada penyelia saya iaitu Dr. Azmi bin Arifin atas bimbingan dan nasihatnya sepanjang tempoh penulisan tesis ini. Terima kasih juga kepada Universiti Sains Malaysia dan Arkib Negara Malaysia di atas segala bantuan dan penyediaan bahan rujukan tesis sarjana saya. Tidak lupa juga kepada staf-staf PPIK dan IPS yang turut membantu saya sepanjang proses penyerahan tesis ini. Terima kasih saya ucapkan atas kerjasama daripada mereka semua.

Saya juga mengucapkan jutaan terima kasih kepada keluarga saya yang sentiasa menyokong saya, terutamanya kepada ibu saya yang tidak pernah putus mendoakan kejayaan saya sepanjang tempoh pengajian. Terima kasih juga kepada rakan-rakan seperjuangan yang sentiasa saling membantu dan menyokong saya dalam menyiapkan tesis ini. Tanpa sokongan moral dan persefahaman daripada semua pihak adalah sukar untuk saya melaksanakan kajian ini.

ISI KANDUNGAN

PERKARA	HALAMAN
PENGHARGAAN	ii
ISI KANDUNGAN	iii
SENARAI SINGKATAN	vi
ABSTRAK	viii
<i>ABSTRACT</i>	ix
BAB 1 : PENGENALAN	
1.0 Latar Belakang	1
1.1 Kajian-Kajian Lalu	8
1.2 Objektif Kajian	33
1.3 Metodologi Kajian	35
1.4 Skop Kajian	36
1.5 Struktur Bab	38
BAB 2 : KOLONIALISME DAN PERJUANGAN POLITIK DI SEMENANJUNG TANAH MELAYU SEBELUM 1946	
2.0 Campur Tangan British di Negeri-Negeri Melayu	42
2.1 Penjajahan Awal British dan Reaksi Orang Melayu	56
2.2 Gerakan Agama dan Kiri Melayu 1900-1930-an	64
2.3 Persatuan-Persatuan Negeri dan Peranan Golongan Elit Konservatif Melayu	72
2.4 Zaman Pendudukan Jepun dan Kesannya Terhadap Kesedaran Politik Melayu	77
2.5 Rumusan	84

BAB 3 : MALAYAN UNION, PENENTANGAN ORANG MELAYU DAN PENUBUHAN UMNO 1946

3.0 Perancangan Dasar Baru British Selepas Perang Dunia Kedua	86
3.1 Ke Arah Perlaksanaan Malayan Union	100
3.2 Reaksi dan Penentangan Orang Melayu	109
3.3 Penubuhan UMNO 1946: Matlamat dan Perjuangan	120
3.4 Rumusan	130

BAB 4 : SIKAP UMNO TERHADAP BRITISH: DARIPADA PENENTANGAN KEPADA PENSUBAHATAN

4.0 Perpaduan dan Perpecahan Politik UMNO 1946: Reaksi dan Tindakbalas British	132
4.1 Cadangan Persekutuan Tanah Melayu: Kesenambungan Tolak Ansur British-UMNO	144
4.2 Penentangan Kiri Melayu dan Reaksi British	153
4.3 Rumusan	162

BAB 5 : BRITISH, UMNO DAN GERAKAN KIRI MELAYU

5.0 Orang Melayu dan Sokongannya Terhadap Gerakan Kiri	166
5.1 Kerjasama UMNO dan British dalam Menghadapi Gerakan Kiri-Agama Melayu	170
5.2 Tindak Balas British dan Darurat 1948	176
5.3 Rumusan	183

BAB 6 : UMNO DI BAWAH KEPIMPINAN DATO' ONN JAAFAR, 1948-1951

6.0 Perkembangan UMNO Semasa Awal Darurat	185
6.1 Kerjasama Antara Kaum 1949	193

6.2 Daripada Melayu kepada <i>Malayan</i> : Pendekatan Politik Dato' Onn Jaafar	201
6.3 Rumusan	213
BAB 7 : UMNO DI BAWAH KEPIMPINAN TUNKU ABDUL RAHMAN, 1951-57	
7.0 Bermulanya Kerjasama Politik dan Penubuhan Perikatan	215
7.1 Tercapainya Cita-Cita Malayan Union? Isu Kerakyatan <i>Jus soli</i> dan Ke Arah Kemerdekaan, 1955-57	221
7.2 Rumusan	233
BAB 8 : RUMUSAN	236
BIBLIOGRAFI	244

SENARAI SINGKATAN

AMCJA	All-Malaya Council of Joint Action
API	Angkatan Pemuda Insaf
AWAS	Angkatan Wanita Sedar
CAB	Cabinet Papers
CJA	Council of Joint Action
CLC	Communities Liaison Committee
CO	Colonial Office
IMP	Independence of Malaya Party
KMM	Kesatuan Melayu Muda
KMS	Kesatuan Melayu Singapura
MATA	Majlis Agama Tertinggi
MCA	Malayan Chinese Association
MCKK	Malay College Kuala Kangsar
MCP	Malayan Communist Party
MDU	Malayan Democratic Union
MIC	Malayan Indian Congress
MKT	Majlis Kerja Tertinggi
MNP	Malay Nationalist Party
MPAJA	Malayan People's Anti-Japanese Army
MPSI	Maktab Perguruan Sultan Idris
MPU	Malayan Planning Unit
MTUC	Malayan Trade Union Cooperation
PEKEMBAR	Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu
PEPERMAS	Pusat Perekonomian Melayu Se-Malaya
PETA	Pembela Tanahair

PKM	Parti Komunis Malaya
PKMM	Parti Kebangsaan Melayu Malaya
PMCJA	Pan-Malayan Council of Joint Action
PMFTU	Pan Malayan Federation of Trade Unions
PREM	Public Report Office
PUTERA	Pusat Tenaga Rakyat
SABERKAS	Syarikat Berkerjasama Am Saiburi
SHTB	Syarikat Hindia Timur British
UMNO	United Malays National Organization

UNITED MALAYS NATIONAL ORGANIZATION (UMNO) 1946-1957:

DARIPADA PENENTANGAN KEPADA PENSUBAHATAN

ABSTRAK

Kajian ini meneliti corak perjuangan United Malays National Organization (UMNO) sejak dari awal penubuhannya pada tahun 1946 hingga tercapainya kemerdekaan Tanah Melayu pada 1957. Dengan menggunakan sumber sekunder dan dokumen rasmi British, kajian ini cuba membincangkan dan membahaskan tentang peranan elit Melayu di dalam UMNO dalam konteks penentangan mereka terhadap kolonialisme British dan perjuangan menuntut kemerdekaan Tanah Melayu antara 1946 dan 1957. Fokus penelitian kajian ini tertumpu kepada tiga tahap utama. Tahap pertama meneliti kebangkitan semangat kebangsaan dalam kalangan orang Melayu yang membawa kepada penubuhan UMNO pada 1946. Tahap kedua memberi tumpuan kepada perkembangan dalam UMNO antara 1946 dan 1948, semasa UMNO di bawah kepimpinan Dato' Onn Jaafar. Tahap ketiga pula membincangkan konflik yang berlaku dalam UMNO dari 1948 hingga 1957 dan implikasinya terhadap politik Melayu di Tanah Melayu. Kajian ini mendapati bahawa sepanjang tempoh 1946 hingga 1957, corak perjuangan UMNO telah mengalami perubahan secara mendadak daripada bersifat penentangan terhadap British dan Malayan Union kepada pensubahatan dengan pihak kolonial. Hal ini berlaku apabila kepimpinan UMNO bersedia untuk menjalinkan satu bentuk hubungan politik baru dengan pihak British dan bukan Melayu demi mempertahankan hak politik elit Melayu konservatif.

UNITED MALAYS NATIONAL ORGANIZATION (UMNO) 1946-1957:

FROM RESISTANCE TO COLLABORATION

ABSTRACT

This study examines the struggle of the United Malays National Organization (UMNO) since its establishment in 1946 until the independence of Malaya in 1957. By utilising secondary sources and official British documents, this study attempts to discuss the role of Malay elites in UMNO in the context of their resistance to British colonialism and the struggle for independence in Malaya between 1946 and 1957. This research focused on three main levels. The first stage examines the revival of Malay nationalism which leads to the formation of UMNO in 1946. The second stage focused on development within UMNO between 1946 and 1948 under the leadership of Dato' Onn Jaafar. The third stage focused on the conflict within UMNO from 1948 to 1957 and its implications on Malay politics in Malaya. This study discovered that during the period of 1946 to 1957, UMNO's struggle has changed significantly from resistance to British and Malayan Union to collaborate with the colonial. This was happened when the leadership of UMNO willing to establish a new political relation with the British and non-Malays in order to defend the political rights of the Malay elites conservative.

BAB SATU

PENGENALAN

1.0 Latar Belakang

Penentangan orang Melayu terhadap penjajahan asing telah tercetus sejak permulaan berlakunya pertembungan antara masyarakat peribumi di Semenanjung Tanah Melayu dengan kuasa-kuasa kolonial Barat lagi.¹ Sejak dari zaman kejatuhan Kerajaan Melayu Melaka (1511) lagi hingga ke zaman penjajahan Jepun (1941-45) dan kemudiannya penjajahan semula British (1945-57), orang Melayu telah bertindakbalas terhadap segala asakan dan campur tangan kolonialisme asing yang bertujuan merampas, memperhamba dan mengeksploitasi hak-hak mereka. Dasar-dasar penjajahan asing, terutamanya semasa era British, telah memberi kesan yang amat besar terhadap sikap politik orang Melayu. Hal ini mendorong kepada reaksi, tindakbalas dan kebangkitan nasionalisme orang Melayu. Pihak British, dalam usaha penjajahannya, telah membawa masuk secara langsung mahupun tidak langsung pelbagai unsur baru yang mengancam kedudukan peribumi. Hal ini telah mendorong kepada timbulnya konflik dan meningkatkan lagi kesedaran orang Melayu terhadap ancaman anasir asing yang cuba menindas hak-hak politik dan ekonomi mereka.

¹Lihat perbincangan dalam Abdul Rahman Haji Ismail, "Silat dan Silau Imperialisme British di Tanah Melayu: Langkah dan Buah", dlm Cheah Boon Kheng dan Abu Talib Ahmad (penys.), *Kolonialisme di Malaysia dan Negara-negara Lain*, Petaling Jaya, Fajar Bakti, 1990, hlm. 79-109. Lihat juga Abdul Rahman Haji Ismail, "Nasionalisme Melayu dan Nasionalisme Melayu Se-Tanah Melayu: Satu Perbincangan tentang soal permulaannya", dlm Cheah Boon Kheng dan Abu Talib Ahmad (penys.), *Isu-isu Pensejarahan*, Pulau Pinang, Universiti Sains Malaysia, 1995, hlm. 163-169; dan Abdullah Zakaria Ghazali, "Kebangkitan-kebangkitan Anti-British di Semenanjung Tanah Melayu", dlm Khoo Kay Kim (penys.), *Sejarah Masyarakat Melayu Moden*, Kuala Lumpur, Persatuan Muzium Malaysia, 1984, hlm. 1.

Meskipun kesadaran orang Melayu pada peringkat awal sering dianggap bukan bercorak kesadaran politik dan nasionalisme moden,² namun tindakbalas yang diberikan mereka menunjukkan kesadaran untuk menegakkan kedaulatan diri dan bangsa serta mencapai kemerdekaan sudah pun wujud sejak daripada awal lagi.³ Bagaimanapun akibat tekanan British, benih kesadaran orang Melayu yang tercetus pada zaman awal itu telah dapat disekat dan dibendung. Reaksi ganas British terhadap penentangan orang Melayu akhirnya telah memaksa orang Melayu lebih menumpukan perhatian kepada usaha-usaha mempertahankan hak-hak mereka dari segi ekonomi daripada dibolosi oleh orang asing berbanding terlibat secara terbuka dalam penentangan mahupun gerakan politik yang akan mencetuskan tindakbalas keras pihak British. Kesedaran tentang erti kemerdekaan dalam kalangan orang Melayu, walaupun sudah wujud dengan begitu ketara atau menonjol sekurang-kurangnya sejak sekitar tahun 1900 lagi,⁴ namun hanya mencapai titik kemuncaknya

²Lihat misalnya pandangan yang dikemukakan oleh Raden Soenarno, "Malay Nationalism, 1900-1945", dlm *Journal of Southeast Asian History* 1, 1960, hlm. 9; William R. Roff, *The Origins of Malay Nationalism*, New Haven, Yale University Press, 1967, terutamanya hlm. 324; dan juga Jagjit S. Sidhu, "Nasionalisme sebelum Perang Dunia Kedua", dlm R. Suntharalingam dan Abdul Rahman Haji Ismail (penys.), *Nasionalisme Satu Tinjauan Sejarah*, Petaling Jaya, Fajar Bakti, 1985.

³Perjuangan orang Melayu mencapai kemerdekaan, dalam konteks semangat 'kenegerian' atau negara-bangsa Melayu yang kecil dan terpisah-pisah, sudah wujud sejak zaman Kerajaan Melayu Melaka dalam penentangan terhadap penaklukan Portugis dan juga kebangkitan Kedah menentang penjajahan Siam. Lihat pandangan yang dibawa misalnya oleh Abdul Rahman Haji Ismail, "Perjuangan Kemerdekaan dan Nasionalisme Melayu: Wacana Pensejarahan" dlm Abdul Rahman Haji Ismail, Azmi Arifin dan Nazarudin Zainun (penys.), *Nasionalisme dan Revolusi di Malaysia dan Indonesia*, Pulau Pinang, Universiti Sains Malaysia, 2006, hlm. 46-78. Lihat juga tulisan lain yang dikemukakan oleh pengkaji-pengkaji seperti Kassim Ahmad, "Satu Konsep Sejarah Kebangsaan Malaysia", dlm *Dewan Masyarakat*, November 1975, hlm. 48; Zainal Abidin Abdul Wahid, *Sejarah Malaysia: Pentafsiran dan Penulisan*, Bangi, Universiti Kebangsaan Malaysia, 1991, hlm. 20-21; Abdullah Zakaria Ghazali, "Kebangkitan-kebangkitan Anti-British di Semenanjung Tanah Melayu", hlm. 1-12; dan Azmi Arifin, "Islam, Bangsa dan Perjuangan Melayu: Menelusuri Kesedaran dan Politik Melayu-Islam dalam Perjuangan Menuntut Kemerdekaan Tanah Melayu 1900-1957", dlm *Prosiding Persidangan Antarabangsa Islam dalam Masyarakat Malaysia*, Anjuran Jabatan Sejarah, Fakulti Sains dan Sastera, Universiti Malaya, 5 dan 6 Oktober 2010, hlm. 254-271.

⁴Dengan merujuk kepada *Cerita Tekukur* yang disiarkan secara bersiri dalam beberapa akhbar Melayu sekitar tahun 1920-an yang jelas mengandungi pernyataan politik yang menuntut supaya bangsa dan negara Melayu dimerdekakan oleh British yang dituduh mengkhianati perjanjian yang telah dibuat dengan orang Melayu membuktikan sudah wujudnya kesadaran politik Melayu pada ketika itu. Lihat Abdul Rahman Haji Ismail, "Cabaran dan Tindak Balas (1896-1946)", dlm Abdul

pada pertengahan kurun ke-20. Kemuncak kesedaran itu ditandai secara khususnya melalui gerakan mencapai kemerdekaan bersama Indonesia yang diusahakan oleh golongan kiri pada masa penjajahan Jepun dan kebangkitan besar-besaran orang Melayu dalam penentangan terhadap rancangan penjajahan semula British melalui pengenalan Malayan Union pada tahun 1946.

Usaha-usaha pihak British melaksanakan apa yang disebut sebagai proses ‘rekolonialisasi’ atau ‘penjajahan kedua’⁵ dengan memperkenalkan rancangan Malayan Union pada 1946 bukan sahaja membangkitkan reaksi kemarahan terbuka orang Melayu, bahkan menyaksikan buat pertama kali terbentuknya satu perpaduan atau kesepakatan menyeluruh dalam kalangan mereka dalam penentangan terhadap dasar-dasar British itu. Orang Melayu yakin melalui dasar-dasar Malayan Union yang cuba dilaksanakan seperti pemansuhan kuasa raja dan kedaulatan negeri-negeri Melayu serta pemberian hak-hak kerakyatan secara *jus soli* kepada golongan imigran asing akan menyebabkan hak-hak politik orang Melayu akan tergugat. Wujud juga kesedaran kemerdekaan yang kuat dalam kalangan orang Melayu yang membolehkan usaha penentangan terhadap rancangan Malayan Union mendapat sokongan menyeluruh rakyat Tanah Melayu. Penentangan terhadap Malayan Union dan sikap anti-British orang Melayu wujud dengan ketara meskipun British pada masa yang sama cuba mendakyahkan usaha-usaha memperkenalkan rancangan penyatuan itu

Rahman Haji Ismail (penys.), *Malaysia: Sejarah Kenegaraan dan Politik*, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005, hlm. 304.

⁵Azmi Arifin, “Local Historians and The Historiography of Malay Nationalism 1945-57: The British, The United Malays National Organization (UMNO) and The Malay Left”, *Kajian Malaysia*, Vol. 32, No. 1, 2014, hlm. 2.

adalah bagi membawa Tanah Melayu ke arah pemerintahan sendiri dan kemerdekaan.⁶

Reaksi orang Melayu terhadap dasar-dasar ‘penjajahan kedua’ atau ‘kolonialisme baru’ itu telah ditunjukkan melalui kebangkitan dan penentangan besar-besaran orang Melayu di seluruh Semenanjung Tanah Melayu pada sekitar pertengahan tahun 1940-an. Dalam proses penentangan ini, kebangkitan arus politik Melayu yang terdiri daripada pelbagai peringkat dan ideologi politik telah dapat digembelingkan. Perkembangan ini menyaksikan terbentuknya sebuah organisasi politik Melayu yang bersatu, yang dikenali sebagai *United Malays National Organization* (UMNO).⁷ Penubuhan UMNO pada 11 Mei 1946 telah dapat direalisasikan melalui pengembelingan tenaga dan usaha bersama khususnya oleh golongan nasionalis kanan dan kiri Melayu walaupun jelas kedua-dua arus politik itu mempunyai perbezaan daripada segi ideologi dan matlamat perjuangannya.

⁶CO 537/1528/1529/1530/1531/1532, Policy Malaya, Part I - Part V, 1946. Lihat juga Mohamed Noordin Sopiee, *From Malayan Union to Singapore Separation*, Kuala Lumpur, Universiti Malaya, 1974, hlm. 17.

⁷UMNO atau Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (PEKEMBAR) ditubuhkan pada tahun 1946 hasil reaksi orang Melayu terhadap rancangan British untuk menubuhkan Malayan Union di Tanah Melayu. Penentangan yang hebat terhadap Malayan Union telah membawa kepada penganjuran “Kongres Melayu Se Tanah Melayu” di Kuala Lumpur. UMNO ditubuhkan hasil daripada gabungan sebanyak 41 buah delegasi yang mewakili setiap negeri di Tanah Melayu termasuklah juga PKMM yang turut menyokong usaha ini. Dato’ Onn Jaafar telah dilantik selaku Presiden UMNO yang pertama dan matlamat utama UMNO pada ketika adalah untuk menentang dan menghalang penubuhan Malayan Union. Untuk maklumat lebih lanjut tentang Malayan Union dan penubuhan UMNO lihat J. de V. Allen, *The Malayan Union*, Yale University, Southeast Asia Studies, 1967; A. J. Stockwell, “The Formation and First Years of The United Malays National Organization (UMNO) 1946-1948”, dlm *Modern Asian Studies* 2(4), London, Cambridge University Press, 1977 dan *British Policy and Malay Politics during the Malayan Union experiment, 1942-1948*, Petaling Jaya, Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society (MBRAS), 1979; Albert Lau, *The Malayan Union Controversy 1942-1948*, Singapore, Oxford University Press, 1991; Mohamed Noordin Sopiee, *From Malayan Union to Singapore Separation*, hlm. 15-25.

UMNO yang pada asalnya ditubuhkan bersama oleh golongan nasionalis dari pelbagai peringkat dan aliran adalah terbentuk akibat keinginan bukan sahaja untuk mempertahankan hak-hak orang Melayu tetapi juga lahir dari semangat anti-British dan perjuangan untuk mencapai kemerdekaan, khususnya yang dibawa oleh nasionalis kiri dan agama yang turut terlibat mempelopori penubuhan UMNO. Jika golongan kanan bangkit mengkritik British demi mempertahankan hak-hak elit Melayu dan menuntut pengembalian semula *status quo* sebelum 1941, golongan atau arus politik kiri dan tengah pula bangkit menentang disebabkan sikap anti-British dan keinginan bagi mencapai kemerdekaan. Keadaan ini boleh dikatakan sebagai penonjolan pertama kalinya perpaduan antara dua sifat ideologi politik Melayu yang berbeza di dalam UMNO yang kemudiannya muncul sebagai satu wadah perjuangan nasionalisme se-Tanah Melayu yang terbentuk secara bersatu. Namun akibat mainan politik British perpaduan nasionalis itu dapat dipecahkan. Kerjasama serta hubungan rapat yang terjalin antara golongan elit konservatif Melayu dengan British mendorong golongan nasionalis kiri Melayu dalam UMNO ditekan dan disisihkan dan akhirnya terpaksa terkeluar daripada perjuangan UMNO.

UMNO, terutama selepas keluarnya Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM), telah mengalami perubahan sikap dan perjuangan yang amat jelas di bawah kepimpinan golongan elit Melayu yang pada umumnya lebih bersikap pro-British dan sedia bertolak ansur daripada menentang British. Pada umumnya UMNO selepas tahap kedua penubuhannya, yakni selepas keluarnya golongan kiri dan nasionalis-nasionalis yang pro-kemerdekaan, telah dipimpin dan dikuasai sepenuhnya oleh golongan elit konservatif Melayu. Cita-cita politik kepimpinan

UMNO selepas itu adalah begitu sederhana dan lebih diasaskan kepada usaha untuk kembali mengekalkan hubungan baik dengan British. Tuntutan utama golongan elit konservatif Melayu melalui UMNO hanyalah untuk memansuhkan beberapa prinsip atau dasar dalam rancangan Malayan Union yang menjejaskan kepentingan golongan elit dan mengekalkan *status quo* politik Melayu sebelum 1941 dengan orang Melayu dan Tanah Melayu diletakkan semula di bawah naungan atau '*protection*' pihak British.

Disebabkan perubahan yang berlaku begitu awal dalam perjuangan politik UMNO setelah dimonopoli oleh arus kanan atau elit konservatif, wujudlah salah faham tentang sebab sebenar UMNO ditubuhkan dan matlamat perjuangannya. Timbul percanggahan pendapat yang begitu ketara dalam kalangan pengkaji sejarah tentang peranan dan sumbangan sebenar yang telah dimainkan oleh UMNO dalam perkembangan sejarah gerakan politik dan perjuangan mencapai kemerdekaan Tanah Melayu.⁸ Terdapat pandangan yang menganggap UMNO merupakan salah sebuah pertubuhan atau bahkan satu-satunya organisasi politik yang memperjuangkan kemerdekaan Tanah Melayu dari sejak ditubuhkan pada 1946 hingga Tanah Melayu mencapai kemerdekaannya pada 1957. Ahli sejarah yang berpandangan sedemikian juga sering memperlihatkan para pemimpin UMNO awal, iaitu Dato' Onn Jaafar dan Tunku Abdul Rahman, adalah individu yang memainkan peranan utama dalam penubuhan UMNO dan dengan itu mempelopori kebangkitan terawal gerakan nasionalisme mencapai kemerdekaan di Tanah Melayu.

⁸Percanggahan pendapat yang meluas dalam kalangan pengkaji sejarah ini dibincangkan misalnya oleh Azmi Arifin dalam "Local Historians and The Historiography of Malay Nationalism 1945-57: The British, The United Malays National Organisation (UMNO) and The Malay Left", hlm. 6 dan 7.

Namun terdapat juga pandangan lain yang menganggap UMNO sejak ditubuhkan sememangnya digerakkan hanya oleh golongan kanan dan bukan bermatlamat memperjuangkan kemerdekaan Tanah Melayu. Sebaliknya perjuangan UMNO sejak 1946 itu adalah berasaskan kepentingan golongan elit konservatif semata-mata iaitu hanya bagi mempertahankan hak-hak sempit orang Melayu dan elit Melayu daripada diasak oleh ancaman orang bukan Melayu akibat dasar-dasar yang dicapai dalam Malayan Union. Dalam konteks ini ahli sejarah cuba memperlihatkan terdapat golongan lain selain atau di luar UMNO yang telah memperjuangkan kemerdekaan Tanah Melayu dengan jalan yang berbeza. Namun begitu, peranan mereka telah terpinggir atau cuba dipinggirkan dalam arus pensejarahan politik Malaysia.⁹

Sebenarnya percanggahan pendapat yang wujud dalam kalangan para pengkaji sejarah dan pengkaji politik sehingga kini adalah amat luas. Hal ini menyebabkan persoalan apakah sebenarnya sifat, bentuk dan corak perjuangan yang dibawa oleh UMNO sebelum Tanah Melayu mencapai kemerdekaan menjadi amat penting dan relevan untuk dikaji dan diteliti semula. Wujud kekaburan dalam kalangan peneliti sejarah tentang matlamat sebenar penubuhan UMNO dan sifat perjuangannya sehingga merdeka. Dalam usaha mendalami dan menjawab persoalan tersebut, kajian ini akan meneliti semula tentang sejarah perjuangan UMNO antara tahun 1946 hingga 1957, iaitu sejak penubuhannya hingga Tanah Melayu mencapai

⁹*Ibid.*, hlm. 17-21. Lihat juga pandangan yang dikemukakan oleh Mohamed Salleh Lamry, *Gerakan Kiri Melayu dalam Perjuangan Kemerdekaan*, Bangi, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2009; dan Abdul Rahman Haji Ismail, "Revolusi di Malaysia: Cerakinan Sejarah", dlm Abdul Rahman Haji Ismail, Azmi Arifin & Nazarudin Zainun (penys.), *Nasionalisme dan Revolusi di Malaysia dan Indonesia: Pengamatan Sejarah*, Pulau Pinang, Universiti Sains Malaysia, 2006, hlm. 79-119.

kemerdekaannya daripada British. Tujuan kajian ini adalah bagi memperjelaskan tentang sifat dan corak sebenar perjuangan organisasi politik Melayu itu, pengaruh dan peranan kepimpinan elit Melayu di dalamnya dan apakah kesan perjuangan UMNO terhadap perkembangan politik dan nasionalisme Melayu dalam tempoh sebelas tahun tersebut.

1.1 Kajian-Kajian Lalu

Dalam membincangkan tentang perkembangan sejarah politik Tanah Melayu sebelum merdeka, sesungguhnya tahun-tahun 1940-an dan 1950-an merupakan satu tempoh yang amat penting. Tempoh itu menunjukkan bukan sahaja kesedaran dan gerakan politik Melayu telah bangkit dengan begitu mendadak, tetapi telah mencapai suatu tahap kemuncaknya. Pada ketika itu, orang Melayu daripada semua peringkat dan arus politik; ‘atas’, ‘bawah’, ‘tengah’, ‘kanan’ mahupun ‘kiri’;¹⁰ telah menzahirkan kesedaran politik dan hasrat nasionalisme mereka dalam bentuk gerakan politik yang lebih terbuka dan tersusun. Tempoh tersebut sering dianggap oleh ramai ahli sejarah sebagai satu dekad yang menyaksikan kelahiran, dan pada masa yang sama pula, kemuncak kebangkitan nasionalisme Melayu.¹¹ Banyak kajian telah dihasilkan oleh ahli sejarah dan sarjana daripada bidang yang berbeza tentang sejarah asal-usul, kemunculan, sifat-sifat dan perkembangan nasionalisme orang Melayu pada tahun-tahun 1940-an dan 1950-an.

¹⁰Abdul Rahman Haji Ismail, “Revolusi di Malaysia: Cerakinan Sejarah”, hlm. 92-96; dan Azmi Arifin, “Local Historians and The Historiography of Malay Nationalism 1945-57: The British, The United Malays National Organisation (UMNO) and The Malay Left”, hlm. 12.

¹¹Menurut Ramlah Adam, kesedaran orang Melayu yang wujud sebelum zaman Jepun adalah lebih bersifat untuk memajukan diri dalam bidang ekonomi dan sosial semata-mata dan bukannya bersifat nasionalisme kerana usaha untuk membebaskan diri daripada belenggu kuasa penjajahan adalah sesuatu yang asing bagi orang Melayu pada ketika itu. Lihat Ramlah Adam, *UMNO: Organisasi dan Kegiatan Politik 1946-51*, Kota Bharu, Mohd Nawi Book Store, 1979, hlm. 1.

Kajian-kajian umum tentang sejarah perjuangan politik orang Melayu atau nasionalisme Melayu seTanah Melayu telah dihasilkan seawalnya sejak penghujung tahun 1950-an dan awal tahun 1960-an lagi, misalnya seperti yang telah dihasilkan oleh Ungku Aziz dan T. H. Silcock (1953), Raden Soenarno (1959, 1960), Abdul Latiff Sahan (1975), Ishak Tadin (1960), Salleh Daud (1960) dan Mohamad Yunus Hamidi (1961).¹² Kajian-kajian awal itu telah menjadi asas yang mendorong kepada pengkajian baru hingga melahirkan tulisan-tulisan kemudiannya pada tahun-tahun 1970-an dan 1980-an misalnya oleh beberapa penulis tempatan yang terkenal seperti J. P. Ongkili (1971/72, 1974), Chandrasekaran Pillay (1974), Mohamed Nordin Sopiee (1974), Ramlah Adam (1978; 1981), Khong Kim Hoong (1984), Abdullah Zakaria Ghazali (1985), Cheah Boon Kheng (1985) dan Said Taib (1988).¹³ Tulisan-tulisan mereka sebahagiannya boleh dianggap mewakili pandangan awal atau lama

¹²Ungku Aziz dan T. H. Silcock, "Malayan Nationalism" dlm W. L. Holland (penys.), *Asian Nationalism and the West*, New York, Macmillan, 1953; Raden Soenarno, "The Political Attitudes of the Malays before 1945", Latihan Ilmiah, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, 1959 dan "Malay Nationalism, 1900-1945", dlm *Journal of Southeast Asian History* 1, 1960; Abdul Latiff Sahan, *Political Attitudes of the Malays*, Singapore, University of Singapore Library, 1975; Ishak Tadin, "Dato' Onn and Malay Nationalism 1946-1951", dlm *Journal of Southeast Asian History*, Jld. 1, 1960; Salleh Daud, *UMNO Image and Reality: A Brief of Twenty Years of History of Malaysia's Premier Political Party*, Kuala Lumpur, Penerbitan Pelopor, 1960; Mohamad Yunus Hamidi, *Sejarah Pergerakan Politik Melayu Semenanjung*, Kuala Lumpur, Pustaka Antara, 1961. Penjelasan tentang tulisan-tulisan ini boleh dilihat dalam Abdul Rahman Haji Ismail, "Perjuangan Kemerdekaan dan Nasionalisme Melayu: Wacana Pensejarahan", hlm. 46-47; dan Azmi Arifin, "Local Historians and The Historiography of Malay Nationalism 1945-57: The British, The United Malays National Organisation (UMNO) and The Malay Left", hlm. 4.

¹³James P. Ongkili, "Perkembangan Nasionalisme", dlm *Jebat* 1, 1971/72; Chandrasekaran Pillay, *Protection of The Malay Community: A Study of UMNO's Position and Opposition Attitudes*, Pulau Pinang, Universiti Sains Malaysia, 1974; Mohamed Nordin Sopiee, *From Malayan Union to Singapore Separation*, Kuala Lumpur, Universiti Malaya, 1974; Ramlah Adam, *UMNO: Organisasi dan Kegiatan, 1945-1951*, Kota Bharu, Mohd Nawi Book Store, 1978, dan *UMNO 1945-1951*, Kuala Lumpur, Universiti Malaya, 1981; Khong Kim Hoong, *Merdeka! British Rules and the Struggle for Independence in Malaya, 1945-57*, Kuala Lumpur, INSAN, 1984; Abdullah Zakaria Ghazali, "Kebangkitan Anti-British di Semenanjung Tanah Melayu", dlm Khoo Kay Kim (penys.), *Sejarah Masyarakat Melayu Modern*, Kuala Lumpur, Persatuan Muzium Malaysia, 1984; Cheah Boon Kheng, "Asal-usul dan Asas tentang Nasionalisme Orang Melayu", dlm R. Suntharalingam dan Abdul Rahman Haji Ismail (penys.), *Nasionalisme: Satu Tinjauan Sejarah*, Petaling Jaya, Penerbit Fajar Bakti, 1985; dan Said Taib, *UMNO dan Bangsa Melayu: Menghayati Sejarah*, Kuala Lumpur, Imai Agency, 1988.

dalam pengkajian sejarah perjuangan politik dan nasionalisme Melayu di Semenanjung Tanah Melayu.

Tulisan tentang sejarah perkembangan politik dan nasionalisme Melayu di Semenanjung Tanah Melayu terus berkembang pada sekitar tahun-tahun 1990-an. Dekad tersebut menyaksikan lahirnya beberapa lagi tulisan menarik yang dikemukakan oleh beberapa ahli sejarah tempatan antaranya Ahmad Fawzi Basri (1986), Khoo Kay Kim (1991), Ariffin Omar (1993) dan Ramlah Adam (1998).¹⁴ Kajian tentang perjuangan politik dan nasionalisme Melayu sebelum merdeka itu kemudiannya telah diperkukuhkan lagi dengan terhasilnya beberapa lagi tulisan sekitar tahun 2000 yang dikemukakan oleh beberapa orang penulis yang membawa pendekatan baru, misalnya Abu Talib Ahmad (2003), Abdul Rahman Haji Ismail (2005) dan Azmi Arifin (2007).¹⁵ Apa yang menarik tentang tulisan-tulisan mutakhir itu ialah mereka memperlihatkan suatu pandangan baru dan mempelopori satu aliran baru dalam pensejarahan nasionalisme Melayu, iaitu aliran yang boleh disebut sebagai 'revisionis' atau penyemak semula. Aliran tersebut cuba menolak pandangan yang dianggap ortodoks dan terlalu menfokuskan sejarah nasionalisme Melayu hanya

¹⁴Ahmad Fawzi Basri, "Perak sebelum dan selepas Perang Dunia Kedua: Satu Analisis Tentang Nasionalisme Orang Melayu", dlm *Analisis* 1 (1), 1986; Khoo Kay Kim, *Malay Society: Transformation and Democration*, Kuala Lumpur, Pelanduk Publications, 1991; Ariffin Omar, *Bangsa Melayu: Malay concepts of democracy and community 1945-1950*, Oxford, University Press, 1993; dan Ramlah Adam, *Kemelut Politik Semenanjung Tanah Melayu*, Kuala Lumpur, Universiti Malaya, 1998.

¹⁵Abu Talib Ahmad, *Malay-Muslim, Islam and The Rising Sun: 1941-1945*, Petaling Jaya, Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society (MBRAS), 2003; Abdul Rahman Haji Ismail, "Cabaran dan Tindak Balas (1896-1946)", dlm Abdul Rahman Haji Ismail (penys.), *Malaysia: Sejarah Kenegaraan dan Politik*, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005; Azmi Arifin, "Local Historians and The Historiography of Malay Nationalism 1945-57: The British, The United Malays National Organisation (UMNO) and The Malay Left", dlm *Kajian Malaysia*, Vol. 32, No. 1, 2014. Selain itu terdapat beberapa tulisan lain misalnya oleh Mohd Salleh Lamry, *Gerakan Kiri dalam Perjuangan Kemerdekaan*, Bangi, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2006, dan Ahmad Fauzi Abdul Hamid, "Malay anti-colonialism in British Malaya: A re-appraisal of Independence Fighters of Peninsular Malaysia", dlm *Journal of Asian and African Studies* 42(5), 2007.

kepada perjuangan golongan kanan dan elit konservatif Melayu dalam UMNO, dan dengan itu telah mengesampingkan peranan golongan nasionalis lain terutamanya golongan kiri dan agama Melayu yang turut terlibat dalam perjuangan kemerdekaan dan bahkan dalam penubuhan UMNO.¹⁶

Ahli sejarah tersebut juga telah turut terlibat dalam menyumbang kepada terhasilnya sebuah buku yang menarik berjudul *Nasionalisme dan Revolusi di Malaysia dan Indonesia* yang telah diterbitkan pada tahun 2006.¹⁷ Buku itu menyerlahkan lagi pandangan baru tentang sejarah asal-usul dan sifat-sifat gerakan politik dan nasionalisme Melayu, khususnya yang menyentuh tentang sejarah pergerakan politik di Tanah Melayu bagi tempoh 1945-57. Ini disusuli pula dengan penganjuran satu seminar penting yang bertema “Tahun 1945-57 dalam Sejarah Malaysia: Isu dan Perdebatan” yang telah diadakan di Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang, pada 2010.¹⁸ Seminar tersebut telah mengumpulkan pandangan ramai ahli sejarah terkemuka tempatan yang menulis tentang sejarah perjuangan politik Malaysia dan nasionalisme Melayu dan bukan Melayu daripada pelbagai aliran mahupun perspektif baru. Apa yang jelas, seminar yang julung kali diadakan dalam membicarakan soal perjuangan politik Tanah Melayu antara tahun 1945-57 itu berusaha ke arah mengukuhkan lagi tafsiran baru tentang sejarah perjuangan politik

¹⁶Azmi Arifin, “Local Historians and The Historiography of Malay Nationalism 1945-57: The British, The United Malays National Organisation (UMNO) and The Malay Left”, hlm. 1-35; dan Ahmad Fauzi Abdul Hamid, “Malay anti-colonialism in British Malaya: A re-appraisal of Independence Fighters of Peninsular Malaysia”, hlm 371-398.

¹⁷Abdul Rahman Haji Ismail, Azmi Arifin dan Nazarudin Zainun (penys.), *Nasionalisme dan Revolusi di Malaysia dan Indonesia*, Pulau Pinang, Universiti Sains Malaysia, 2006.

¹⁸Kajian-kajian yang telah dibentangkan melalui seminar ini telah dibukukan dalam *Prosiding Seminar Kebangsaan Sejarah Malaysia 1945-57*. Prosiding ini boleh didapati di Bilik Arkib dan Dokumentasi Sejarah, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang.

orang Melayu mahupun bukan Melayu di Semenanjung Tanah Melayu pada pertengahan kurun ke-20 itu.

Selain penulis tempatan, terdapat juga penulis-penulis luar yang turut memberi sumbangan dengan menghasilkan kajian-kajian penting tentang sejarah perjuangan politik, nasionalisme dan kemerdekaan di Tanah Melayu sebelum tahun 1950. Antara tulisan utama yang telah dihasilkan orang luar ialah oleh W. R. Roff yang bertajuk *The Origins of Malay Nationalism* (1967).¹⁹ Tulisan awal yang menyentuh tentang asal-usul kesedaran nasionalisme Melayu itu sering menjadi rujukan ramai pengkaji sejarah tempatan yang membincangkan tentang isu politik dan perjuangan nasionalisme Melayu. Penulis-penulis luar yang lain adalah terdiri daripada beberapa penulis Barat seperti V. R. Purcell (1955), Rupert Emerson (1960), J. de V. Allen (1967), N. J. Funston (1980), A. J. Stockwell (1977, 1979 dan 1984), Albert Lau (1991) dan T. N. Harper (1999).²⁰

Kebanyakan tulisan yang dikemukakan baik oleh sarjana tempatan mahupun sarjana luar itu tadi umumnya menyentuh tentang sejarah perjuangan orang Melayu dalam UMNO hanya secara ringkas dan sepintas lalu sahaja. Berbanding dengan kajian-kajian awal yang telah dikemukakan oleh penulis-penulis tempatan yang

¹⁹W. R. Roff, *The Origins of Malay Nationalism*, Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 1980.

²⁰V. Purcell, *Malaya: Communist or Free?*, Stanford, Stanford University Press, 1955; J. de V. Allen, *The Malayan Union*, Yale University, Southeast Asia Studies, 1967; A. J. Stockwell, "The Formation and First Years of The United Malays National Organization (UMNO) 1946-1948", dlm *Modern Asian Studies* 2(4), London, Cambridge University Press, 1977; *British Policy and Malay Politics during the Malayan Union experiment, 1942-1948*, Petaling Jaya, Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society (MBRAS), 1979; dan "British Imperial Policy and and Decolonization in Malaya, 1942-1952", dlm *The Journal of Imperial and Commonwealth History* 13(1), 1984, hlm. 68-87. Lihat juga beberapa kajian yang lain seperti N. J. Funston, *Malay Politics in Malaysia: a study of the United Malays National Organisation and Party Islam*, Singapore, Heinemann Educational Books (Asia), 1980 dan T. N. Harper, *The End of Empire and the Making of Malaya*, Cambridge, Cambridge University Press, 1999.

umumnya hanya memberi perhatian kepada perkembangan politik Tanah Melayu selepas 1940-an, terutamanya yang berkaitan dengan sejarah penentangan golongan elit konservatif Melayu terhadap rancangan Malayan Union dan penubuhan UMNO, tulisan-tulisan oleh para pengkaji luar sebaliknya tidak hanya menfokuskan kepada perkembangan politik Melayu dalam kepimpinan arus kanan itu sahaja. Mereka bahkan sebaliknya turut menfokuskan terhadap sejarah perjuangan politik Melayu kiri mahupun bukan Melayu yang berada di luar UMNO. Namun secara umumnya, kebanyakan para sarjana tempatan mahupun penulis luar itu tetap menganggap kesedaran politik dan nasionalisme Melayu sebagai satu gejala moden ciptaan Barat, yang hanya muncul dan berkembang dengan jelas di Semenanjung Tanah Melayu menjelang atau selepas Perang Dunia Kedua, khususnya setelah berlakunya penentangan orang Melayu terhadap Malayan Union dan penubuhan UMNO.

Sarjana-sarjana tersebut umumnya menganggap kesedaran politik dan nasionalisme Melayu tidak pernah wujud sebelum tahun 1940-an. Oleh itu, jarang terdapat kajian yang cuba mengaitkan kesedaran politik dan nasionalisme orang Melayu dengan perjuangan anti-kolonial yang wujud di negeri-negeri Melayu sebelum 1940-an. Perjuangan tokoh-tokoh Melayu awal seperti yang dibawa oleh Dato' Dol Said, Datuk Maharajalela, Dato' Bahaman, Tok Janggut, Haji Abdul Rahman Limbong dan sebagainya lagi hanya diperlihatkan sebagai satu bentuk perjuangan sempit yang bukannya berasaskan kesedaran politik dan nasionalisme, tetapi lebih didorong oleh kepentingan diri, rasa tidak puashati terhadap soal cukai dan usaha untuk mempertahankan jawatan peribadi. Oleh itu umumnya penentangan

mereka terhadap British hanya digolongkan oleh ahli sejarah tempatan mahupun luar sebagai satu bentuk gerakan ‘*initial resistance*’ atau ‘*sporadic resistance*’ sahaja.

Demikian juga walaupun sudah wujud persatuan-persatuan negeri dan gerakan agama ‘Kaum Muda’ di sesetengah negeri Melayu selepas 1900, namun kesedaran orang Melayu pada waktu itu juga telah dianggap sebagai satu bentuk kesedaran sempit yang bukan berasaskan kesedaran politik dan bangsa, tetapi hanya bersifat keagamaan dan sosiekonomi sahaja. Para sarjana menganggap perjuangan awal kurun ke-20 itu adalah perjuangan sempit yang lebih cenderung ke arah mempertahankan hak-hak ekonomi dan sosial orang Melayu sebagai peribumi dan pemilik mutlak Tanah Melayu dan lebih bersifat *chauvinis* daripada nasionalis. Misalnya Roff sewaktu menjelaskan tentang sifat-sifat kesedaran yang wujud dalam kalangan persatuan-persatuan negeri Melayu sebelum 1940-an menyatakan bahawa perjuangan awal orang Melayu yang terdiri daripada golongan elitis itu adalah lebih bersifat ‘...*chauvinist or ethnicist rather than politically nationalist...professed complete loyalty to the traditional Malay establishments on the basis of the separate state structure, and an almost equal enthusiasm for British colonial rule, as the bulwark for the time being of Malay interest against the rapacious demands of Malayan-domiciled aliens.*’²¹

Pandangan di atas terus diperkukuhkan lagi oleh rumusan-rumusan yang dikemukakan oleh beberapa pengkaji tempatan selepasnya, antaranya Abdul Latiff Abu Bakar yang menjelaskan bahawa;

²¹William R. Roff, *The Origins of Malay Nationalism*, hlm. 324. Seperti yang dipetik oleh Azmi Arifin, “Local Historians and The Historiography of Malay Nationalism 1945-57: The British, The United Malays National Organisation (UMNO) and The Malay Left”, hlm. 5.

Orang Melayu waktu sebelum pendudukan Jepun (sebelum 1945) lebih mengenali 'watan' daripada 'negara' dan 'siasah' daripada 'politik'. Cita-cita politik mereka keseluruhannya agak terbatas – mereka mahu mengekalkan pemerintahan di bawah naungan British dan taat setia yang diberikan kepada seseorang raja lebih kuat daripada perasaan 'kebangsaan' dalam konteks yang lebih luas, iaitu tertumpu kepada Tanah Melayu sebagai satu entiti politik.²²

Pandangan Abdul Latiff tersebut timbul kerana beliau hanya menfokuskan kepada sejarah perjuangan golongan kanan Melayu dalam pertubuhan negeri-negeri Melayu yang pro-British dan tidak memberi perhatian yang cukup mendalam kepada wujudnya anasir-anasir nasionalis Melayu yang bergerak secara tersembunyi melalui perjuangan bercorak agama dan intelektual sejak awal kurun ke-20. Seorang lagi sarjana tempatan iaitu Ramlah Adam yang banyak menulis tentang sejarah politik dan kepimpinan Melayu turut menganggap bahawa kesedaran orang Melayu hanya timbul secara perlahan sebelum tahun 1940-an. Menurut Ramlah, perjuangan mereka pada masa itu lebih bersifat memajukan diri dalam bidang ekonomi dan sosial, manakala kesedaran nasionalisme untuk membebaskan diri daripada penjajahan Barat merupakan sesuatu yang masih asing bagi kebanyakan orang Melayu pada ketika itu.²³

Pandangan seperti di atas dipengaruhi oleh takrifan dan pegangan tertentu ahli sejarah itu sendiri terhadap konsep nasionalisme. Kecenderungan untuk melihat nasionalisme sebagai satu fenomena moden dan ciptaan Barat, atau khususnya

²²Abdul Latiff Abu Bakar, "Akhbar, Desentralisasi dan Persatuan Negeri Melayu," dlm Khoo Kay Kim (pensy.), *Sejarah Masyarakat Melayu Moden*, Kuala Lumpur, Persatuan Muzium Malaysia, 1984, hlm. 135.

²³Ramlah Adam, *UMNO: Organisasi dan Kegiatan 1945- 1951*, hlm. 1.

ciptaan penjajahan British,²⁴ bukan sahaja dibawa oleh sebahagian besar bekas pentadbir kolonial tetapi juga oleh kebanyakan pengkaji sejarah tempatan mahupun sarjana luar yang membincangkan tentang nasionalisme Melayu sebagai satu bentuk perjuangan antikolonial.²⁵ Misalnya J. P. Ongkili sewaktu menerangkan tentang asal-usul perkembangan nasionalisme di Asia Tenggara termasuklah di Tanah Melayu menjelaskan bahawa melalui dasar pemodenan dan pengenalan sistem pendidikan Barat telah membolehkan British mengasaskan kesedaran politik dan nasionalisme dalam kalangan orang Melayu, yang dikatakan tidak pernah mempunyai kesedaran politik sebelumnya. Menurutnya,

Pengaruh barat di kalangan pejuang-pejuang Asia Tenggara itu sebenarnya tidak menghairankan, kerana kejayaan kuasa-kuasa penjajah itu menakluk rantau ini...maka mudah sangat bagi si penjajah itu menurunkan peradaban Barat ke atas rakyat-rakyat Asia Tenggara yang sudah terkandas... Jelas kelihatan yang melingkungi semua ini adalah sebenarnya sentimen bersemarak nasionalisme yang disemaikan oleh pendidikan Barat di negeri-negeri Asia Tenggara yang sesungguhnya masih terjebak dalam tangan kuasa-kuasa penjajah.²⁶

Kepimpinan Melayu yang mendapat pendidikan Barat dikatakan telah meniru idea-idea Barat seperti hak-hak persamaan, kebebasan dan demokrasi sebagai

²⁴Pengkaji Barat seperti A. D. C. Peterson menganggap nasionalisme Tanah Melayu telah diciptakan sendiri oleh British. Menurut beliau, *"I do not think that you will find anywhere else the curious spectacle of a colonial power trying, by every device it can think of, to create a nationalist movement to which it can hand over the reins of power...It is only in Malaya that you see the extraordinary sight of the British officials more interested in the spread of the national flag, the national anthem, a national army, a national police force and the national schools, than are the people of the country themselves."* Lihat A. D. C. Peterson, "The Birth of Malayan Nation", dlm *Internatinal Affairs* 31, 1955, hlm. 311. Seperti yang dipetik oleh Azmi Arifin, "Imperialisme Eropah dan Warisan Pemikiran Tentang Nasionalisme Melayu", dlm Abdul Rahman Haji Ismail, Azmi Arifin dan Nazarudin Zainun (penys.), *Nasionalisme dan Revolusi di Malaysia dan Indonesia: Pengamatan Sejarah*, Pulau Pinang, Universiti Sains Malaysia, 2006, hlm. 31.

²⁵Lihat Azmi Arifin, "Nasionalisme Melayu dalam Pemikiran Nasionalisme Eropah: Gagasan Yang Sering Disalahertikan", dlm *Prosiding Seminar Kebangsaan Sejarah Malaysia: Dimana Kebenarannya*, Pulau Pinang, Universiti Sains Malaysia, Oktober 2009. Lihat juga Azmi Arifin, *Pensejarahan Nasionalisme Peranchis dan Nasionalisme Melayu: Satu Kajian Bandingan Berasaskan Teori dan Sejarah*, Tesis M.A, Pulau Pinang, Universiti Sains Malaysia, 1999.

²⁶Lihat James P. Ongkili, "Perkembangan Nasionalisme", hlm. 35.

landasan untuk memperjuangkan hak-hak politik dan kemerdekaan di Tanah Melayu.²⁷ Pandangan Ongkili itu turut dipegang oleh Abdul Latiff Abu Bakar misalnya yang menjelaskan;

Golongan pelajar Melayu yang menerima pendidikan Barat lebih memahami tentang konsep demokrasi, kebebasan, hak asasi manusia dan kemerdekaan sehinggakan mereka ini didakwa sebagai pihak yang pertama kalinya telah mencetuskan kesedaran serta pergerakan nasionalisme Melayu di seluruh Tanah Melayu.²⁸

Dengan menganggap nasionalisme sebagai satu bentuk kesedaran yang dicipta di Eropah atau negara-negara Barat, dan kemudiannya ditiru dan disebarkan pula ke negara-negara dunia ketiga melalui penjajahan Eropah dan pengenalan sistem pendidikan Barat,²⁹ maka tumpuan pengkajian ahli sejarah hingga kini hanya berkisar kepada perubahan yang berlaku di Tanah Melayu pada tahun 1940-an sahaja. Tumpuan sebenarnya diberikan terhadap perjuangan elit Melayu dalam persatuan-persatuan kenegerian dan UMNO, yang mendapat pendidikan Barat dan dikatakan menerima idea-idea pemodenan melalui kemajuan sosioekonomi dan sistem pendidikan yang dibawa oleh British. Golongan elit konservatif Melayu itu dikatakan bukan sahaja mendapat pendidikan Barat yang lebih maju bahkan dikatakan telah mempelajari selok-belok sistem demokrasi dan kebebasan di Eropah

²⁷*Ibid.*, hlm. 24-41. Menurut pandangan pengkaji Barat seperti K. P. Landon dalam "Nationalisme in Southeast Asia", *Far Eastern Quarterly*, 1943, dan Julius A. Freed dalam *The Historical Development of Malay Nationalism: An Analysis and Appraisal*, Tesis Ph.D, University of California, 1956; mereka mengaitkan kemunculan nasionalisme Melayu dengan pengenalan sistem pendidikan Barat. Orang Melayu dikatakan telah terdedah dengan pemikiran moden seperti liberalisme, sosialisme dan Marxisme setelah menyambung pelajaran di negara Eropah; dan pemikiran ini kemudiannya telah dapat mengembangkan suatu kesedaran baru kepada orang Melayu yang berpendidikan Barat bahawa mereka sedang dijajah dan dinominasi oleh orang asing. Untuk kritikan terhadap pandangan mereka lihat Azmi Arifin, "Imperialisme Eropah dan Warisan Pemikiran Tentang Nasionalisme Melayu", hlm. 31 dan 32.

²⁸Abdul Latiff Abu Bakar, *Ishak Haji Muhammad: Penulis dan Ahli Politik Sehingga 1948*, Kuala Lumpur, Universiti Malaya, 1977, hlm. 38 dan 39. Seperti dipetik oleh Azmi Arifin, "Imperialisme dan Pemikiran Nasionalisme Melayu", hlm. 36.

²⁹Azmi Arifin, "Imperialisme dan Pemikiran Nasionalisme Melayu", hlm. 28-39.

hingga membolehkan mereka memperjuangkan idea-idea politik, kebebasan dan kemerdekaan di tanahair mereka sendiri yang dijajah.³⁰ Oleh kerana tumpuan sarjana telah diberikan terhadap perjuangan golongan elit konservatif Melayu yang mendapat pendidikan Barat, maka kesedaran nasionalisme Melayu dikatakan hanya bermula sejak tahun 1940-an apabila golongan berpendidikan Barat itu buat pertama kalinya secara terbuka telah bangkit menentang rancangan British yang cuba memperkenalkan Malayan Union pada tahun 1946.

Tidak hairanlah perjuangan elit konservatif Melayu dalam UMNO dan penentangan mereka terhadap Malayan Union telah diangkat sebagai satu peristiwa sejarah yang amat penting, seperti yang dinyatakan oleh Azmi Arifin, "*Historian normally credit the UMNO as the earliest among the Malay nationalist movements that fought for Malay causes and eventually pushed for independence*".³¹ Ahli sejarah yang berpegang kepada pandangan sebegini juga menganggap kepimpinan elit Melayu dalam UMNO itulah yang menjadi pelopor dalam sejarah perjuangan orang Melayu menentang British. Dato' Onn misalnya dianggap sebagai;

...the only person who could be considered as the first Malay who led the struggle against the British" and as a "political architect" or the "founder of the Malaysian independence", and to some extent, the "father of Malay nationalism."³²

Gambaran yang mengelirukan tersebut jelas dibawa dalam kebanyakan tulisan sejarah khususnya yang dikemukakan oleh para pengkaji tempatan sejak dari tahun 1950-an lagi dan terus dipegang oleh ramai pengkaji hingga ke hari ini.

³⁰*Ibid.*

³¹Azmi Arifin, "Local Historians and The Historiography of Malay Nationalism 1945-57: The British, The United Malays National Organisation (UMNO) and The Malay Left", hlm. 6.

³²*Ibid.*

Kekeliruan utama yang dibawa dalam tulisan-tulisan mereka ialah kecenderungan untuk mengaitkan perjuangan UMNO 1946-1957 dengan perjuangan yang bersifat anti-British dan perjuangan untuk mencapai kemerdekaan, khususnya apabila dikaitkan dengan peristiwa penentangan elit Melayu terhadap Malayan Union pada 1946. Penentangan kepimpinan elit Melayu dalam UMNO terhadap Malayan Union umumnya telah dipaparkan secara tegas oleh ahli sejarah sebagai penentangan yang bersifat anti-British dan sebahagian daripada usaha mencapai kemerdekaan Tanah Melayu. Penentangan golongan kiri yang turut terlibat dalam menubuhkan UMNO dan memperjuangkan kemerdekaan melalui UMNO dan organisasi bukan UMNO selepasnya pula dipinggirkan sejarah simpang siurnya. Hal ini mendorong sesetengah ahli sejarah mengaitkan sejarah perjuangan UMNO secara keseluruhannya antara tahun 1946-57 dengan perjuangan kemerdekaan dan menganggap tokoh-tokoh nasionalis kanan seperti Dato' Onn misalnya sebagai pelopor nasionalisme Melayu yang anti-kolonial.³³

Tafsiran tersebut menimbulkan kekeliruan kerana perjuangan elit Melayu sebelum mahupun selepas penubuhan UMNO bukanlah untuk mencapai kemerdekaan, tetapi hanya untuk mempertahankan *status quo* politik sebelum 1941 sahaja. Mereka juga mempunyai sikap pro-British yang amat jelas. Mereka menolak cita-cita kemerdekaan dan sebaliknya lebih berminat melihat pengekalan British di Tanah Melayu. Mereka menganggap British sebagai *protector* dalam menghadapi 'musuh' sebenar elit konservatif itu iaitu golongan politik bukan Melayu. Jadi pandangan yang memperbesarkan kepimpinan elit konservatif Melayu khususnya

³³*Ibid.*, hlm. 6 dan 7.

dalam UMNO antara 1946-57 sebagai pejuang kemerdekaan sebenar amat mengelirukan. Pandangan yang mengelirukan itu jelas dibawa oleh beberapa pengkaji tempatan yang telah menghasilkan tulisan-tulisan awal yang menyentuh tentang sejarah perjuangan UMNO antara tahun 1946-57.³⁴ Antaranya ialah satu tulisan yang dikemukakan oleh Marwan Saliman pada 1971/72 yang berjudul “UMNO, 1946-1948”.³⁵

Dalam tulisannya itu, Marwan menjelaskan UMNO sehingga merdeka merupakan sebuah organisasi politik Melayu terbesar yang bukan sahaja memperjuangkan hak Melayu daripada ancaman bukan Melayu, tetapi juga turut memperjuangkan kemerdekaan Tanah Melayu daripada penjajahan British. Menurut Marwan, “Boleh dikatakan sehingga tahun 1954 UMNO telah benar-benar dapat memainkan peranan penting di dalam memberi inspirasi kepada rakyat untuk menuntut kemerdekaan.”³⁶ Sikap UMNO yang didakwa oleh Marwan berjuang secara ‘habis-habisan’ dan ‘bermati-matian’ menentang rancangan penjajahan British melalui Malayan Union telah memaksa British untuk mengalah dan dengan itu memastikan UMNO berjaya ‘menghapuskan’ sepenuhnya rancangan Malayan Union. Menurut Marwan,

...dari 1948 hingga 1955 ini UMNO penuh perjuangannya dari berjaya menghapuskan Malayan Union kepada mendirikan sebuah kabinet kerajaan untuk menuju ke arah kemerdekaan dan menuju ke arah sebuah perlembagaannya...UMNO telah menunjukkan

³⁴Terdapat banyak tulisan yang telah mengkaji tentang UMNO, namun dalam kajian ini akan dibezakan tulisan yang bersifat politik kepartian oleh ahli dan pendokong politik UMNO dengan kajian sejarah tentang UMNO oleh ahli akademik. Tulisan-tulisan politik boleh dilihat misalnya seperti dihasilkan oleh Said Taib, *UMNO dan Bangsa Melayu: Menghayati Sejarah*, Kuala Lumpur, Imai Agency, 1988;

³⁵Marwan bin Saliman, “UMNO, 1948-1955”, dlm *Jebat*, Bil. 1, 1971/72, hlm. 82-98.

³⁶*Ibid.*, hlm. 95.

kesanggupannya untuk berdiri semula sebagai sebuah parti politik yang terbesar dan terkuat, setelah presidennya yang pertama Dato' Onn meninggalkannya untuk menubuhkan parti baru. Di bawah Tunku Abdul Rahman mulai Ogos 1951 itu UMNO mulai melangkah ke satu zaman yang baru yang berjuang dengan sokongan perikatannya MCA dan akhirnya MIC bagi memperolehi sebuah kabinet kerajaan, melalui pilihan raya umum 1955 itu.³⁷

Pandangan seperti itu turut dipegang oleh segelintir ahli sejarah tempatan yang lain. Antaranya ialah Ramlah Adam yang telah menghasilkan beberapa kajian penting tentang sejarah perjuangan UMNO khususnya sekitar 1946-57. Antara kajian beliau yang terawal ialah sebuah buku bertajuk *UMNO: Organisasi dan Kegiatan Politik 1945- 1951* (1978) yang meneliti tentang perkembangan UMNO dalam fasa awal penubuhannya terutama semasa berada di bawah kepimpinan Dato' Onn Jaafar sebagai salah seorang pengasas utama UMNO.³⁸ Sungguhpun Ramlah turut memberikan penekanan terhadap tema perjuangan orang Melayu dalam UMNO, namun bukunya ini hanya menumpukan soal kegiatan orang Melayu dalam UMNO secara umum sahaja tanpa memberi perhatian secara khusus tentang sifat-sifat perjuangan dan ideologi politik kepimpinan konservatif Melayu dalam UMNO itu sendiri. Dari segi asal-usul penubuhannya, peranan golongan nasionalis kiri yang turut terlibat dalam mengembeling tenaga orang Melayu dalam menentang Malayan Union dan menubuhkan UMNO juga telah dikaburkan. Hal ini juga dapat dilihat melalui beberapa hasil tulisan dan kajian beliau yang lain.³⁹

³⁷*Ibid.*, hlm. 98.

³⁸Ramlah Adam, *UMNO: Organisasi dan Kegiatan, 1945-1951*, Kota Bharu, Mohd Nawi Book Store, 1978.

³⁹Lihat tulisan beliau seperti *UMNO, 1945-1951*, Kuala Lumpur, Universiti Malaya, 1981; *Dato' Onn Ja'afar: Peranannya di dalam Politik dan Pentadbiran Persekutuan Tanah Melayu 1895-1962*, Kuala Lumpur, Gateway Publishing House, 1987; *Dato' Onn Ja'afar: Pengasas Kemerdekaan*, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka, 1992; *Kemelut Politik Semenanjung Tanah Melayu*, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka, 1998; dan *Sumbanganmu Dikenang*, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka, 1999.

Ramlah juga menghasilkan satu bab buku yang menarik yang menyentuh secara khusus tentang kaitan UMNO dengan perjuangan kemerdekaan iaitu bertajuk “Perjuangan UMNO Menentang Malayan Union dan Menuntut Kemerdekaan 1946-1957” (1996).⁴⁰ Dalam kajiannya itu, Ramlah jelas memperlihatkan perjuangan UMNO sebagai suatu perjuangan yang pada asasnya bersifat anti-British, yang menolak penjajahan British dan bergerak ke arah mencapai kemerdekaan Tanah Melayu, biarpun mengikut jalan perundingan dan sederhana. Menurut Ramlah;

UMNO ditubuhkan semata-mata dengan kesedaran orang Melayu untuk mempertahankan nasib mereka dari penjajahan mutlak British melalui Malayan Union. Kesedaran mereka ini merupakan kemuncak perpaduan dan kemuncak kegiatan nasionalisme Melayu yang telah berlaku sejak awal kurun ke-20.⁴¹

Di sebalik pemaparan sikap yang pro-British dan keinginan kekal di bawah naungan British yang ditonjolkan oleh golongan nasionalis kanan terutama setelah tersingkirnya golongan kiri yang anti-British dari UMNO, Ramlah sebaliknya percaya perjuangan kemerdekaan yang dibawa oleh UMNO menjadi jelas sejak 1948. Ini juga menjelaskan pandangan Ramlah yang hanya mengaitkan perjuangan kemerdekaan dengan peranan yang dimainkan oleh golongan elit konservatif Melayu dalam UMNO, dan menjelaskan seolah-olah sebelum tertubuhan UMNO tidak wujud sebarang perjuangan untuk kemerdekaan di Tanah Melayu. Menurut beliau;

Perjuangan menuntut kemerdekaan boleh dikatakan bermula dengan pembentukan Persekutuan Tanah Melayu pada tahun 1948 yang membolehkan UMNO memainkan peranan

⁴⁰Ramlah Adam, “Perjuangan UMNO Menentang Malayan Union dan Menuntut Kemerdekaan 1946-1957”, dlm Wan Hashim Wan Teh (penys.), *UMNO Johor 50 Tahun: Memartabatkan Bangsa Melayu*, Kuala Lumpur, Berita Publishing Sdn. Bhd., 1996.

⁴¹Ramlah Adam, *Kemelut Politik Semenanjung Tanah Melayu*, hlm. 117.

sebagai pemimpin politik Tanah Melayu dalam gerakan mencapai kemerdekaan.⁴²

Namun begitu, perjuangan elit konservatif Melayu sejak awal iaitu sebelum penubuhan UMNO lagi adalah ke arah mempertahankan hak-hak elit Melayu dan bukannya mencapai kemerdekaan. Hal ini kerana perjuangan elit Melayu yang kemudiannya menguasai UMNO adalah bagi menghadapi ancaman bukan Melayu dan dalam konteks itu, British telah dianggap menjadi rakan dan pelindung (*protector*) kepada orang Melayu.⁴³ Penolakan terbuka terhadap seruan bagi mencapai kemerdekaan Tanah Melayu daripada British amat jelas dilaungkan oleh kepimpinan elit konservatif Melayu terutamanya Dato' Onn sendiri sebelum 1951. Dalam konteks penentangan elit konservatif Melayu terhadap Malayan Union misalnya, ia bukanlah satu penentangan ke arah penghapusan semangat Malayan Union secara mutlak apatah lagi bersifat perjuangan anti-British. Sebaliknya matlamat golongan elit itu hanyalah untuk menentang beberapa keputusan British yang cuba dicapai melalui rancangan Malayan Union yang dianggap oleh pemimpin konservatif Melayu itu telah merugikan hak-hak politik golongan elit Melayu. Dalam konteks perjuangan UMNO selepas 1948, dapat dibuat satu rumusan awal bahawa tuntutan sebenar elit Melayu dalam penentangan terhadap Malayan Union dan perjuangan selepas 1948 adalah terhadap pengekalan hak-hak golongan elit itu sendiri sebagai keutamaan dalam perjuangan mereka. Penentangan terhadap Malayan Union sebagai satu usaha mempertahankan orang Melayu daripada asakan bukan Melayu terutamanya melalui dasar kerakyatan *jus soli* bukanlah menjadi agenda

⁴²Ramlah Adam, "Perjuangan UMNO Menentang Malayan Union dan Menuntut Kemerdekaan 1946-1957", hlm. 58.

⁴³Lihat Chandra Muzaffar, *Protector: An Analysis of The Concept and Practice of Loyalty in Leader-led Relationship within Malay Society*, Pulau Pinang, Aliran, 1979.

perjuangan utama golongan elit Melayu jika dilihat melalui kesediaan mereka bekerjasama dengan British dan bertolak ansur terhadap tuntutan kerakyatan *jus soli* oleh bukan Melayu antara 1948 hingga 1957.

Oleh itu, pandangan yang mengaitkan atau menyamakan perjuangan UMNO sepanjang 1946-57 dengan nasionalisme menuntut kemerdekaan dan bersifat anti-British seperti yang dikemukakan oleh Marwan dan Ramlah di atas adalah tidak tepat dan mengelirukan. Inilah kelemahan utama dalam kajian-kajian sedia ada mengenai UMNO khususnya yang dikemukakan oleh para sarjana tempatan. Namun pandangan-pandangan awal itu walaupun lemah tetapi amat besar pengaruhnya kerana sehingga kini ia telah diterima secara meluas sebagai fakta-fakta sejarah yang sebenar hingga akhirnya telah diserap masuk ke dalam buku teks sejarah di peringkat sekolah menengah dan diperkukuhkan lagi oleh pandangan rasmi yang dipegang oleh pihak pemerintah mahupun pihak Arkib Negara dan Muzium Kebangsaan.

Selain daripada tulisan-tulisan yang membincangkan tentang sejarah dan perkembangan UMNO, terdapat juga tulisan-tulisan yang membincangkan sejarah perkembangan dan perjuangan UMNO berdasarkan peranan yang dimainkan oleh kepimpinan elit konservatif Melayu dalam UMNO itu sendiri, khususnya yang menyentuh tentang penglibatan tokoh-tokoh UMNO awal seperti Dato' Onn dan Tunku Abdul Abdul Rahman. Antara tulisan-tulisan tersebut ialah yang dihasilkan oleh Ishak Tadin (1960), Anwar Abdullah (1971), Ramlah Adam (1992), Ismail Adnan (2006), Fadzil Abdullah et al. (2007), dan S. Hashim Ahmad (2009) yang